

LAPORAN : PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN

TEMPAT : AUDITORIUM MPSP

TARIKH : 8 JANUARI 2014 (RABU)

MASA : JAM 2.30 PETANG

**VVIP : AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN TEMPATAN MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA KEBAJIKAN, MASYARAKAT
PENYAYANG DAN ALAM SEKITA; YANG BERHORMAT TUAN
PHEE BOON POH, YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN
UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG, YANG BERUSAHA TUAN
SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD; SETIAUSAHA MAJLIS
PERBANDARAN SEBERANG PERAI, PEMANGKU PENGARAH,
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA FLEXTRONICS TECHNOLOGY
(PENANG) SDN BHD; YANG DIHORMATI PUAN HASIFAH WATI
BINTI HARUN.**


Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2014 adalah merupakan salah satu daripada program dibawah Local Action 21. Anugerah Komuniti Mampan ini merupakan kerjasama dan tajaan daripada Flextronic Techonology (Penang) Sdn Bhd.

Sempena dengan Anugerah Komuniti Mampan ini Flextronics Technology telah menaja dan memberi sumbangan sebanyak RM 11,500.00 sebagai hadiah kepada penyertaan yang berjaya melaksanakan komuniti mampan.

Program seperti ini diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada inisiatif –inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti termaktud di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Prinsip LA 21 digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Sehubungan dengan pekara itu MPSP fokus untuk mewujudkan masyarakat yang berorientasikan 4R iaitu Rethink, Reduce, Reuse and Recycle. Menurut Yang Dipertua

MPSP Puan Maimunah Mohd amalan ini harus diterapkan sebagai amalan seharian dalam mencapai komuniti Mampan dan low carbon city.



YDP bersama penaja utama anugerah komuniti mampan Flextronics Technology Sdn Bhd



Hasil kraftangan yang dihasilkan menggunakan bahan dan juga plastik terpakai.

LAPORAN : MAJLIS PENUTUPAN BENGKEL KITAR SEMULA KREATIF

TEMPAT : PERMATANG NIBONG

TARIKH : 10 JANUARI 2014 (JUMAAT)

MASA : 9 PAGI

**VVIP : SETIAUSAHA PERBANDARAN MAJLIS PERBANDARAN
SEBERANG PERAI; YANG BERUSAHA TUAN SR HJ ROZALI BIN
HJ MOHAMUD, TIMBALAN PENGERUSI KHARIAH MASJID
PERMATANG NIBONG; YANG BERUSAHA ENCIK ANAS BIN
MOHD KASSIM, PENGURUS BESAR SVAC VIROGREEN SDN.BHD
YANG BERUSAHA ENCIK MOORTHI KARTHIKESAN**

Pada 10 Januari 2014 bersamaan hari jumaat, telah berlangsung sebuah Majlis Penutupan Bengkel Kitar Semula yang bertempat di Permatang Nibong. Majlis ini turut dihadiri oleh Setiusaha Perbandaran Seberang Perai, Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Mohamud, Timbalan Pengurus Khariah Majlis Permatang Nibong, Yang Berusaha Encik Anas Bin Mohd Kassim dan Pengurus Besar SVAC ViroGReEn Sdn.Bhd, Yang Berusaha Encik Moorthi Karthikesan.

Majlis Penutupan Bengkel Kitar Semula ini dirasmikan oleh Yang Berusaha Setiusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud. Menurut Tuan Sr Hj Rozali, Penduduk Permatang Nibong mula terlibat dengan program-program komuniti sejak tahun 2012 lagi. 30 September 2012, Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Permatang Nibong telah melibatkan diri dalam program CIMB – Community Link yang menjalankan program pengkomposan sisa dapur. Penglibatan penduduk adalah amat memberangsangkan dimana 56 orang telah menyertai program ini dan sebanyak 1,120 kg sisa makanan yang berjaya dikutip untuk dikomposkan. Bagi program kutipan barang kitar semula pula yang bermula sejak 19 Januari 2013, sebanyak 4,529 kg telah dikumpul untuk dijual.

Selain itu, Kewujudan Bengkel Kitar Semula ini sebenarnya banyak membantu MPSP dalam mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke Pulau Burung dan ia juga

dapat memupuk satu ikatan kearah mewujudkan sikap betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaan sisa pepejal atau sampah sarap.



Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud sedang menyampaikan ucapannya di Majlis Penutupan Kitar Semula kreatif Permatang Nibong.



Setiusaha Majlis Pembandaran Seberang Perai Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud mencuba menjahit plastik yang telah diguna pakai bagi menghasilkan beg.

LAPORAN : PELANCARAN PENGURUSAN SISA ORGANIK - PROGRAM CCAC/ BANK

DUNIA

TEMPAT : PARK VIEW HABOUR PALACE BUTTERWORTH

TARIKH : 12 JANUARI 2014 (AHAD)

MASA : 11 PAGI

VVIP : AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA KEBAJIKAN, MASYARAKAT PENYAYANG DAN ALAM SEKITAR; YANG BERHORMAT TUAN PHEE BOOH POH, YANG DIHORMATI AHLI MAJLIS - AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, NAIB PENGERUSI PERBADANAN PENGURUSAN PANGSAPURI TAMAN PANDAN; □ YANG BERUSAHA ENCIK TAN AH KUANG.

Park View Butterworth telah dipilih oleh Climate and Clean Air Coalition / Bank Dunia berasaskan kepada komitmen tinggi mereka dalam menjalani aktiviti pengurusan sisa organik domestik. Pihak Climate and Clean Air Coalition / Bank Dunia bersama-sama perbadanan Park View akan Mengkaji amalan baik pengurusan sisa terutamanya dalam sisa organik.

Terdapat tiga bandaraya di Asia yang dipilih bagi projek percubaan ini iaitu Dhaka, Bangladesh, Hanoi, Vietnam, dan juga Pulau Pinang. Park View juga boleh dijadikan sebagai model untuk pendidikan sisa sifar jika program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. UNEP dan Bank Dunia akan membangunkan satu pelan pelaksanaan berdasarkan Results-based financing (RBF) yang termasuk Output Based Aid (OBA).

Sempena dengan perasmian ini Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud telah menyeru agar kepada Perbadanan Pengurusan Park View agar memberi kerjasama membantu dalam kerja menimbang sisa organik yang dikeluarkan. Sistem rekod perlu diwujudkan bagi tujuan pengauditan dan memastikan projek ini dapat dijalankan dengan berjayanya. Pegawai Bank Dunia juga akan membuat lawatan pada bulan Mac 2014, oleh itu, diharapkan program pengasingan sisa organik berjalan dengan lancar dan sempurna.



YDP Puan Maimunah Mohd Sharif sedang menyampaikan ucapannya pada Majlis Pelancaran Pengurusan Sisa Organik Program CCAC/ Bank Dunia



Penduduk Park View Habour Palace yang turut serta memeriahkan Majlis Pengurusan Sisa Organik Program CCAC / Bank

**LAPORAN : PELANCARAN PENGURUSAN SISA ORGANIK –PROGRAM
CCAC /**

TEMPAT : PANGSAPURI TAMAN PANDAN BUTTERWORTH

TARIKH : 18 JANUARI 2014 (SELASA)

**VVIP : AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA KEBAJIKAN,
MASYARAKAT PENYAYANG DAN ALAM SEKITAR; YANG
BERHORMAT TUAN PHEE BOOH POH, SETIAUSAHA
PERBANDARAN, MPSP; YANG BERUSAHA TUAN SR HJ ROZALI
BIN HJ MOHAMUD, NAIB PENGERUSI PERBADANAN
PENGURUSAN PANGSAPURI TAMAN PANDAN; YANG
BERUSAHA ENCIK TAN AH KUANG.□**

Pangsapuri Taman Pandan telah dipilih untuk terlibat dalam projek bersama Climate and Clean Air Coalition (CACC) Bank Dunia kerana Taman Pandan sememangnya aktif dalam program seperti pengkomposan, kitar semula dan lain-lain .

Terdapat tiga bandaraya di Asia yang dipilih bagi projek percubaan ini iaitu Dhaka, Bangladesh, Hanoi, Vietnam dan juga Pulau Pinang. Di Seberang Perai, tiga lokasi yang dipilih adalah Park View, Pangsapuri Taman Pandan dan Pangsa PPR Ampangan. Projek ini adalah bertujuan untuk membuat kajian untuk mengkaji amalan baik pengurusan sisa pepejal terutamanya sisa organik.

En Chew Eng Seng telah memaklumkan bahawa pangsapuri Taman Pandan telah mula menjalankan aktiviti mengumpul barang kitar semula sejak tahun 2002 lagi. Dalam tempoh 12 tahun ini ,sebanyak 218,750 kg barang kitar semula adalah sebanyak RM 48,161.00. Manakala pada tahun 2006 ,pengkomposan sisa organik mula dijalankan di Taman Pandan dengan kutipan sebanyak 1 tan setiap bulan.

Jika kajian yang dijalankan di ketiga-ketiga lokasi ini berjaya ia akan banyak membantu MPSP memandangkan Majlis membelanjakan Rm 8,639,664.44 sepanjang tahun 2013 untuk menguruskan 427,706.21 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung.



YDP bersama Penduduk Pangsapuri Taman Pandan menggunakan tong sampah yang telah disumbangkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.



Jamuan makan yang diadakan selepas Majlis Pelancaran sisa organik–Program CCAC / Bank

LAPORAN : PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU

TEMPAT : SM SAINS TUN SYED SYEH SHAHABUDIN

TARIKH : 8 JANUARI 2014 (SABTU)

MASA : 3.00 PETANG

VVIP :AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN TEMPATAN MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA KEBAJIKAN, MASYARAKAT PENYAYANG DAN ALAM SEKITAR; YANG BERHORMAT TUAN PHEE BOON POH, YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG, YANG BERUSAHA TUAN SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, PEMANGKU PENGARAH, BAHAGIAN SUMBER MANUSIA FLEXTRONICS TECHNOLOGY (PENANG) SDN BHD; YANG DIHORMATI PUAN HASIFAH WATI BINTI HARUN. □

Pelancaran anugerah komuniti mampan pada tahun ini merupakan tahun kelima ia diadakan. Anugerah Komuniti mampan ini telah ditaja oleh Continental Automotive components Malaysia Sdn Bhd. Pada tahun ini, Continental Automotive Component (MALAYSIA) Sdn Bhd telah menaja hadiah wang tunai dan piala sebanyak RM 25,000.00.

Anugerah Sekolah Hijau telah dijalankan dengan tujuan untuk memberikan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan di peringkat alam persekolahan dan di umur yang lebih muda.

Kriteria penilaian yang ditetapkan ialah seperti berikut:

- Perancangan dan pengurusan- 20 markah,
- Amalan sisa sifar - 30 markah
- Kebersihan dan penghijauan - 20 markah,

- Pengurusan sumber ke arah meningkatkan kecekapan dan penjimatan- 10 markah
- Program inovasi dan kreativiti - 10 markah
- Penglibatan komuniti - 10 markah



Persembahan nyanyian daripada pelajar-pelajar SM Sain Tun Syed Syeh Shahabudin
yang begitu bersemangat



YDP Puan Maimunah Mohd Sharif sedang menyampaikan ucapannya dalam Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau



Murid- murid Sekolah Menengah Sains Tun Syed Syeh Shahabudin tidak ketinggalan mengambil peluang bersalaman bersama Yang Dipertua MPSP Puan Maimunah Mohd Sharif

LAPORAN : LAWATAN UNEP KE BENGKEL KITAR SEMULA PERMATANG NIBONG
TEMPAT : BENGKEL KITAR SEMULA PERMATANG NIBONG
TARIKH : 14 JANUARI 2014



Setiausaha MPSP Tuan Sr Hj Rozali Bin Mohamud sedang memberi penerangan kepada orang ramai mengenai loji biogas yang terdapat di Bengkel Alam Sekitar Permatang Nibong



Setiausaha MPSP Tuan Sr Hj Rozali memberi penerangan mengenai beg yang dihasilkan menggunakan bahan dan juga plastik terpakai



Antara beg yang dihasilkan oleh penduduk Permatang Nibong yang menggunakan kaedah anyaman tangan



Lawatan ke kebun sayur yang giat diusahakan oleh penduduk Permatang Nibong dalam membantu penduduknya dalam menjana pendapatan sampingan